

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini  
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Penetapan Dasar dan Prosedur Berkaitan Pelaksanaan  
Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu  
Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL C)**  
[Pekeliling MQA Bil. 6/2025 bertarikh 21 April 2025]

**Ringkasan ketetapan**

- i. Penetapan Dasar dan Prosedur Berkaitan Pelaksanaan APEL.C berkuat kuasa pada 21 April 2025.
- ii. APEL.C telah dilaksanakan bagi tujuan pindah kredit berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu yang mana pindah kredit maksimum yang diberikan adalah sebanyak 30% daripada jumlah kredit bergraduat program pengajian yang diikuti. Pindah kredit ini terpakai bagi setiap tahap pengajian dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) kecuali Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran secara penyelidikan.
- iii. MQA telah mengambil inisiatif mengembangkan peratusan pindah kredit melalui APEL.C kepada peratusan maksimum pemindahan kredit tidak melebihi 60%.
- iv. Jumlah peratusan pemindahan APEL.C seperti berikut:
  - a) Maksimum pindah kredit 60% dibenar untuk pindah kredit APEL.C daripada pengalaman *non-formal* dan *informal* sahaja;
  - b) Tambahan pindah kredit daripada pembelajaran formal termasuk *micro-credential*, had maksimum keseluruhan pindahan kredit dinaikkan kepada 70%;
  - c) Pemindahan kredit secara vertikal perlu mematuhi dasar pindah kredit sedia ada;
  - d) UPM perlu sentiasa merujuk kepada Garis Panduan Amalan Baik (GGP) APEL.C bagi menjamin kualiti proses pengendalian APEL.C.
- v. Penetapan Dasar dan Prosedur Berkaitan Pelaksanaan APEL.C terkini berkuat kuasa pada 21 April 2025, boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [\*\*SWAAKREDITASI\*\*](#).

**Tindakan di peringkat UPM**

- vi. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Unit APEL.C UPM dimohon membuat pemakluman kepada semua Fakulti/Sekolah dengan merujuk ketetapan terkini oleh pihak MQA berdasarkan simulasi jumlah peratusan pemindahan kredit seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Contoh Simulasi</b>		<b>Peratusan Pemindahan Kredit Yang Dibenarkan</b>
1.	<u>Contoh 1</u> <i>Non-formal + Informal</i>		60% pemindahan kredit
2.	<u>Contoh 2</u> 60% ( <i>Non-formal + Informal</i> )	+ 10% (formal)	70% pemindahan kredit
3.	<u>Contoh 3</u> 40% ( <i>Non-formal + Informal</i> )	+ 30% (formal)	70% pemindahan kredit
4.	<u>Contoh 4</u> 60% ( <i>Non-formal + Informal</i> )	+ 30% (formal)	70% pemindahan kredit
5.	<u>Contoh 5</u> 50% ( <i>Non-formal + Informal</i> )	+ 50% (formal)	70% pemindahan kredit

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)

Pejabat Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

1 Julai 2025